



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**10 Januari 2024
28 Jamadilakhir 1445H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|--------------------------|--|
| Utusan Malaysia | <ul style="list-style-type: none">• Warga asing guna pukat haram, nelayan terancam |
| Berita Harian | <ul style="list-style-type: none">• |
| Harian Metro | <ul style="list-style-type: none">• |
| Kosmo ! | <ul style="list-style-type: none">• |
| Sinar Harian | <ul style="list-style-type: none">• |
| The Star | <ul style="list-style-type: none">• |
| New Straits Time | <ul style="list-style-type: none">• |
| Nanyang Siang Pau | <ul style="list-style-type: none">• |
| Malaysia Gazette | <ul style="list-style-type: none">• |
| Harakah | <ul style="list-style-type: none">• |
| Malaysiakini | <ul style="list-style-type: none">• |
| Bernamea | <ul style="list-style-type: none">• |
| Borneo Post (KK) | <ul style="list-style-type: none">• |
| Guan Ming Daily | <ul style="list-style-type: none">• |
| Sabah Media | <ul style="list-style-type: none">• |

| | | | | | | | | |
|-------------------|---|-------------------|--|----------------|---|-------------------|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | / | KOSMO! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | | POSITIF | | NEGATIF | ↗ | NEUTRAL | | 32 |
| | | | | | | | | 10/1/2023 |



AHMAD Faizal Abd. Rashid (kiri) menunjukkan lokasi yang sering menjadi tempat kegiatan menangkap ikan warga asing di Sungai Sepetang di Bagan Serai, Perak. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

Warga asing guna pukot haram, nelayan terancam

um m632

BAGAN SERAI: Berpuluh nelayan darat di Pangkalan Lubuk Buntar, Simpang Empat Semanggol di sini terjejas pendapatan berikutan kegiatan pukot sorong dan pukot apollo yang dipercayai dilakukan warga asing dari Kuala Sepetang.

Kumpulan nelayan itu mendakwa, kegiatan tersebut merosakkan ekosistem dan sumber perikanan di perairan tersebut dan didapati semakin berleluasa.

Nelayan tempatan juga mendakwa menerima anca-

man secara lisan daripada warga asing yang mengendalikan bot pukot tersebut ketika cuba menegur perbuatan mereka menggunakan pukot sorong dan pukot apollo.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang nelayan, Mohd Azmi Nordin, 33, berkata, kegiatan itu bukan isu baharu, malah sudah lama dibangkitkan nelayan kepada pihak berkenaan.

Menurutnya, memang ada tindakan daripada agensi penguat kuasa berkaitan yang

melakukan pemantauan, namun masih tidak mampu mengekang kegiatan itu.

“Sejak kebelakangan ini, kegiatan warga asing menggunakan pukot sorong dan pukot apollo di kawasan ini semakin berleluasa, mereka tidak takut kepada pihak penguat kuasa,” katanya.

Sementara itu, Ketua Jaringan Perikanan (KJP) Kuala Kurau, Ahmad Faizal Abd Rashid berharap agensi yang berkenaan menjalankan operasi pemantauan lebih kerap.